



Rujukan: UKM.PTP.100-1/3/1
Tarikh: 22 Januari 2024

PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL.1/2024

SEMUA WARGA AKADEMIK UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROSES PENGARKIBAN KURSUS, GUGUR DAN DAFTAR PELAJAR DI UKMFOLIO™

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) ingin memaklumkan bahawa tarikh bagi proses pengarkiban, gugur dan daftar pelajar yang akan berlaku di UKMFolio™ seperti jadual di bawah:

Bil.	Perkara	Tarikh & Hari
1.	Proses arkib bahan Semester 1 2023/2024 di UKMFolio™	22 Februari 2024
2.	Proses gugur (<i>unenrol</i>) pelajar Semester 1 2023/2024 di UKMFolio™	26 – 27 Februari 2024
3.	Proses daftar (<i>enrol</i>) pelajar Semester 2 2023/2024 di UKMFolio™ (Pendaftaran awal sehingga tarikh akhir minggu tambah dan gugur kursus)	28 Februari 2024 - 10 Mac 2024

3. Proses yang dinyatakan di atas terpakai bagi semua kursus di Fakulti/Institut/Pusat **kecuali** kursus-kursus merentas semester, dimana hanya proses pengarkiban bahan Semester 1 2023/2024 sahaja yang akan berlaku. Walau bagaimanapun, **Fakulti/Institut/Pusat yang terlibat dengan kursus-kursus merentas semester ini, adalah dimohon untuk membuat permohonan pengecualian proses gugur (*unenrol*) pelajar sebelum 22 Februari 2024 (Khamis) kepada En. Nor Rajaie Hashim.** Tambahan, peratus pembelajaran teradun universiti bagi Semester 1 2023/2024 akan dikira melalui kursus-kursus yang telah diarkibkan.

4. Sukacita, dimohon kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memenuhi kriteria Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) bagi semua kursus Semester 1 2023/2024 di UKMFolio™ sebelum semua kursus ini diarkibkan pada 22 Februari 2024 (Khamis) dan mengemaskini kursus dan senarai pensyarah ke dalam SMPWeb sebelum 28 Februari 2024 (Rabu)** bagi melancarkan proses pendaftaran kursus di UKMFolio™. Sehubungan itu, sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung dengan En Nor Rajaie Hashim, Penolong Pendaftar di talian telefon:03-8921 4651 atau e-mel: jae@ukm.edu.my

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghppt@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlt

Sekian, segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,



PROF. Ir. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN
Pengarah

- s.k. - **YBhg. Prof. Dato' Ch.M Dr. Mohammad Kassim**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- **YBrs. Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali**
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
- **YBrs. Prof. Madya Dr. Irman Abdul Rahman**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (Akademik UKM)

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghpptp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlt